



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 5, Issue 9, September 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocalsciences.com

Kompetensi Guru Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Sejarah Berasaskan Aplikasi *Google Classroom*

M. Kaviza¹

¹Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Correspondence: M. Kaviza (kavizakaviza@yahoo.com)

Abstrak

Kajian berbentuk tinjauan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam kalangan guru. Seramai 60 orang guru terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik. Data kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t sampel tak bersandar melalui perisian *IBM SPSS*. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* adalah berada pada tahap sederhana. Dari segi konstruksinya, tahap kompetensi pengetahuan berada pada tahap tinggi, manakala tahap kompetensi kemahiran dan kompetensi sikap pula berada pada tahap sederhana dalam kajian ini. Tambahan pula, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina. Sungguhpun begitu, dapatan kajian ini telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi pengetahuan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina, manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi kemahiran dan sikap terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina. Implikasi kajian ini telah memaparkan maklumat bahawa guru-guru mempunyai tahap kompetensi yang baik terhadap pelaksanaan proses pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* dengan lebih efektif dan berkesan.

Kata kunci: kompetensi, pengetahuan, kemahiran, sikap, guru sejarah, aplikasi *Google Classroom*

The Level of Competence on Learning and Facilitation of History Base on Google Classroom Application

Abstract

This survey study aims to identify the level of competence on learning and facilitation of history based on Google Classroom application in terms of knowledge, skills and attitudes among teachers. A total of 60 teachers were involved in this study. The instrument of this study is a questionnaire. The data of this study were analyzed by descriptive and inferential statistics such as independent sample t-test through IBM SPSS software. The findings of this study indicated that the level of competence in learning and facilitation of history based on Google Classroom application is at a moderate level. In terms of constructs, the level of knowledge competence is at a high level, while the level of skills competence and attitude competence are at a moderate level in this study. Furthermore, the findings of this study also

indicate that there is no significant mean difference for competencies on learning and facilitation of history based on Google Classroom application based on gender. Nevertheless, the findings of this study also have reported that there is a significant difference in the mean of knowledge competence on learning and facilitation of history based on Google Classroom application based on gender, while there is no significant difference for mean competence of skills and attitudes towards learning and facilitation of history based on Google Classroom application based on gender. The implications of this study have displayed information that the teachers have a good level of competence towards the implementation of the learning process and facilitation of history based on the Google Classroom application more effectively and efficiently.

Keywords: competencies, knowledge, skills, attitudes, history teachers, Google Classroom application

Pengenalan

Perkembangan dalam bidang teknologi yang pesat telah menyebabkan berlaku perubahan dalam sistem pendidikan negara bagi mencapai aspirasi iaitu memahami prestasi dan cabaran semasa sistem pendidikan Malaysia dengan memberi tumpuan terhadap akses kepada pendidikan, meningkatkan standard (kualiti), merapatkan jurang pencapaian (ekuiti), mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid serta mengoptimalkan kecekapan sistem (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Rentetan daripada itu, kurikulum sejarah juga tidak ketinggalan dalam menghadapi arus perubahan ini yang menjurus kepada aplikasi kurikulum holistik dan futuristik yang menekankan kepada kurikulum bertaraf dunia serta berkait rapat dengan perkembangan teknologi maklumat dan teknologi (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2018). Sehubungan dengan itu, perkembangan pesat dalam bidang teknologi dan perubahan dalam amalan pembelajaran dan pemudahcaraan telah memberikan peluang kepada para guru untuk mengembangkan kompetensi mereka dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan.

Walaupun aplikasi *Google Classroom* merupakan antara platform pembelajaran berasaskan internet yang telah disediakan oleh pihak *Google* pada tahun 2014, namun penggunaan kini semakin mendapat perhatian dalam kalangan para pendidik pada semua peringkat persekolahan sebagai alternatif dalam melaksanakan sistem pembelajaran secara atas talian (e-learning) (Shahinaz, 2017; Kaukah, 2018). Hal ini kerana melalui penggunaan aplikasi *Google Classroom*, guru-guru boleh melaksanakan proses pembelajaran dan pemudahcaraan mereka dengan membentuk dan mengedarkan tugas kepada murid-murid secara atas talian tanpa menggunakan kertas. Aplikasi *Google Classroom* dapat digunakan melalui pelbagai media iaitu komputer atau telefon pintar yang membolehkan guru-guru dan murid-murid dapat berinteraksi dan berkomunikasi atas talian bagi melaksanakan proses pembelajaran secara maya (Liu & Chuang, 2016; Martinez-Mones, Reffay, Torio & Cristobal, 2017). Di samping itu, aplikasi *Google Classroom* dapat memudahkan guru-guru untuk merancang dan menghantar tugas mengikut masa dengan kadar cepat, menjimatkan masa, meningkatkan kolaborasi dan komunikasi, penyimpanan dan perkongsian data yang baik (Swita & Heri, 2019). Tambahan pula, aplikasi *Google Classroom* merupakan platform pembelajaran yang boleh dipraktikkan secara percuma dan boleh dimuat turun dalam pelbagai alat-alat peranti dengan lebih mudah, di samping dapat digunakan untuk berkolaborasi antara ahli-ahli kumpulan melalui *class group* yang telah diwujudkan.

Sungguhpun begitu, adalah penting bagi seseorang guru perlu memanfaatkan penggunaan teknologi tersebut dengan meningkatkan kompetensi masing-masing selaras dalam usaha membentuk proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang lebih bermakna dan berkesan. Hal ini demikian kerana kompetensi merupakan elemen penting bagi seseorang guru dalam menghasilkan proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang berkesan dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap. Tambahan pula, guru-guru yang mempunyai tahap kompetensi yang baik adalah berkebolehan, berkemahiran dan berupaya untuk mengintegrasikan aplikasi *Google Classroom* dengan lebih efektif dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan mereka bagi menarik minat murid untuk belajar sejarah dengan lebih seronok seperti yang disarankan dalam kurikulum sejarah (Awatif et al., 2019). Justeru, kajian ini ingin meneroka

tentang kompetensi guru-guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan, khususnya dalam mata pelajaran sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* rentetan daripada dapatan kajian Fitringsiyas, Umamah dan Sumardi (2018) yang telah melaporkan bahawa tahap penggunaannya adalah masih terhad dalam mata pelajaran sejarah yang telah mencadangkan bahawa terdapat satu keperluan kepada pengkaji ini untuk mengenal pasti tahap kompetensi dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* dalam kalangan guru.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- i. Mengetahui tahap kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap.
- ii. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah:

- i. Adakah tahap kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom*?
- ii. Adakah tahap kompetensi pengetahuan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom*?
- iii. Adakah tahap kompetensi kemahiran terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom*?
- iv. Adakah tahap kompetensi sikap terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom*?
- v. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi terhadap pembelajaran sejarah dan pemudahcaraan berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina?
- vi. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi pengetahuan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina?
- vii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi kemahiran terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina?
- viii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi sikap terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina?

Hipotesis Kajian

Bagi menjawab soalan kajian 2, hipotesis nul (H_0) telah dibentuk untuk diuji kesignifikan pada aras $p=0.05$ adalah seperti berikut:

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina.

H_{01a} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi pengetahuan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina.

H_{01b}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi kemahiran terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina.

H_{01c}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi sikap terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina.

Metod Kajian

Kajian berbentuk tinjauan ini melibatkan seramai 60 orang guru sebagai sampel kajian ini yang telah dipilih melalui teknik pensampelan rawak. Soal selidik yang menggunakan skala likert lima mata yang telah disahkan kesahan kandungan serta konstruksya oleh pakar penilai dalam bidang pendidikan sejarah merupakan instrumen kajian ini. Nilai *Cronbach Alpha* iaitu 0.94 bagi soal selidik telah menunjukkan bahawa instrumen tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima dalam kajian ini (Nunnally & Bernstein, 1994). Data kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t bagi sampel tak bersandar melalui perisian *IBM SPSS* versi 21. Interpretasi tahap min dalam kajian ini ditentukan melalui interpretasi tahap yang diberikan oleh Jamil (2002) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Min dan Tahap

Skor Min	Tahap
3.67 – 5.00	Tinggi
2.34 – 3.66	Sederhana
1.00 – 2.33	Rendah

Sumber: Adaptasi daripada Jamil (2002)

Dapatan Kajian

Tahap kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan berasaskan aplikasi Google Classroom dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap

Berdasarkan Jadual 2, tahap kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berada pada tahap sederhana secara keseluruhannya ($M=3.61$, $SD=0.36$). Dari segi konstruksya pula, tahap kompetensi pengetahuan ($M=3.84$, $SD=0.36$) terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berada pada tahap tinggi. Selain itu, tahap kompetensi kemahiran ($M=3.50$, $SD=0.39$) dan sikap ($M=3.52$, $SD=0.40$) terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan *Google Classroom* berada pada tahap sederhana dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap kompetensi terhadap pengajaran dan pembelajaran berasaskan *Google Classroom* berada pada tahap sederhana secara keseluruhannya walaupun tahap kompetensi pengetahuan berada pada tahap tinggi, manakala tahap kemahiran dan sikap pula berada pada tahap sederhana dalam kalangan guru dalam kajian ini.

Jadual 2: Tahap Kompetensi Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Sejarah Berasaskan *Google Classroom* dari segi Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap

Konstruk	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kompetensi terhadap <i>Google Classroom</i>	60	3.61	0.36	Sederhana
Pengetahuan	60	3.84	0.36	Tinggi
Kemahiran	60	3.50	0.39	Sederhana
Sikap	60	3.52	0.40	Sederhana

Perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi Google Classroom berdasarkan jantina dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap

Statistik deskriptif pada Jadual 3 menunjukkan bahawa min kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* bagi guru perempuan adalah lebih tinggi ($M=3.65$, $SD=0.35$) berbanding dengan guru lelaki ($M=3.54$, $SD=0.36$) dan berada pada tahap sederhana. Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=0.66$, $p=0.42$), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 4 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* [$t(58)=-1.16$, $p=0.25$] berdasarkan jantina. Justeru, H_{01} telah gagal ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* antara guru lelaki dengan guru perempuan dalam kajian ini.

Jadual 3: Statistik Deskriptif Bagi Min Kompetensi terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan sejarah Berasaskan Aplikasi *Google Classroom* berdasarkan Jantina

Konstruk	Guru Lelaki (N=21)			Guru Perempuan (N=39)		
	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kompetensi <i>Google Classroom</i>	3.54	0.36	Sederhana	3.65	0.35	Sederhana

Jadual 4: Ujian-T Sampel Tak Bersandar Bagi Kompetensi Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Sejarah Berasaskan Aplikasi *Google Classroom* Berdasarkan Jantina

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian <i>Levene's</i>		<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	<i>F</i>	<i>p</i>					Bawah	Atas	
Perbezaan Min	0.66	0.42	-1.16	58	0.25	0.25	0.10	-0.31	0.08

*Pada aras signifikan 0.05

Perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi pengetahuan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan berasaskan Aplikasi Google Classroom berdasarkan jantina

Statistik deskriptif pada Jadual 5 menunjukkan bahawa min kompetensi pengetahuan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan Sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* bagi guru perempuan adalah lebih tinggi ($M=3.91$, $SD=0.34$) berbanding dengan guru lelaki ($M=3.70$, $SD=0.35$) dan berada pada tahap tinggi. Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=0.18$, $p=0.68$), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 6 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi pengetahuan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* [$t(58)=-2.34$, $p=0.02$] berdasarkan jantina. Justeru, H_{01a} telah berjaya ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi pengetahuan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan berasaskan aplikasi *Google Classroom* antara guru lelaki dengan guru perempuan dalam kajian ini.

Jadual 5: Statistik Deskriptif Bagi Min Kompetensi Pengetahuan terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan sejarah Berasaskan Aplikasi *Google Classroom* berdasarkan Jantina

Konstruk	Guru Lelaki (N=21)			Guru Perempuan (N=39)		
	Min	Sisihan n Piawai	Tahap	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kompetensi Pengetahuan	3.70	0.35	Tinggi	3.91	0.34	Tinggi

Jadual 6: Ujian-T Sampel Tak Bersandar Bagi Kompetensi Pengetahuan Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Sejarah Berasaskan Aplikasi *Google Classroom* Berdasarkan Jantina

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian <i>Levene's</i>		<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	<i>F</i>	<i>p</i>					Bawah	Atas	
Perbezaan Min	0.18	0.68	-2.34	58	0.02	-0.22	0.08	-0.40	-0.33

*Pada aras signifikan 0.05

Perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi kemahiran terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina

Statistik deskriptif pada Jadual 7 menunjukkan bahawa min kompetensi kemahiran terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* bagi guru perempuan adalah lebih tinggi ($M=3.51, SD=0.40$) berbanding dengan guru lelaki ($M=3.49, SD=0.38$) dan berada pada tahap sederhana. Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=0.18, p=0.68$), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 8 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi kemahiran terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* [$t(58)=-0.19, p=0.85$] berdasarkan jantina. Justeru, H_{01b} telah gagal ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa min kompetensi kemahiran terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* adalah sama antara guru lelaki dengan guru perempuan dalam kajian ini.

Jadual 7: Statistik Deskriptif Bagi Min Kompetensi Kemahiran terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan sejarah Berasaskan Aplikasi *Google Classroom* berdasarkan Jantina

Konstruk	Guru Lelaki (N=21)			Guru Perempuan (N=39)		
	Min	Sisihan n Piawai	Tahap	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kompetensi Kemahiran	3.49	0.38	Sederhana	3.51	0.40	Sederhana

Jadual 8: Ujian-T Sampel Tak Bersandar Bagi Kompetensi Kemahiran Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Sejarah Berasaskan Aplikasi *Google Classroom* Berdasarkan Jantina

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian <i>Levene's</i>		<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	<i>F</i>	<i>p</i>					Bawah	Atas	

Perbezaan	0.39	0.56	-0.19	58	0.85	-0.02	0.11	-0.23	0.19
Min									

*Pada aras signifikan 0.05

Perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi sikap terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan Aplikasi Google Classroom berdasarkan jantina

Statistik deskriptif pada Jadual 9 menunjukkan bahawa min kompetensi sikap terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* bagi guru perempuan adalah lebih tinggi ($M=3.56$, $SD=0.39$) berbanding dengan guru lelaki ($M=3.45$, $SD=0.41$) dan berada pada tahap sederhana. Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=1.09$, $p=0.31$), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 10 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi sikap terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* [$t(58)=-1.04$, $p=0.30$] berdasarkan jantina. Justeru, H_{0lc} telah gagal ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa min kompetensi sikap terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* adalah sama antara guru lelaki dengan guru perempuan dalam kajian ini.

Jadual 9: Statistik Deskriptif Bagi Min Kompetensi Sikap terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan sejarah Berasaskan Aplikasi *Google Classroom* berdasarkan Jantina

Konstruk	Guru Lelaki (N=21)			Guru Perempuan (N=39)		
	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kompetensi Sikap	3.45	0.41	Sederhana	3.56	0.39	Sederhana

Jadual 10: Ujian-T Sampel Tak Bersandar Bagi Kompetensi Sikap Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Sejarah Berasaskan Aplikasi *Google Classroom* Berdasarkan Jantina

Konstruk	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian <i>Levene's</i>		<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	<i>F</i>	<i>p</i>							
Perbezaan	1.09	0.31	-1.04	58	0.30	-0.11	0.11	-0.33	0.10
Min									

*Pada aras signifikan 0.05

Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berada pada tahap sederhana secara keseluruhannya. Tahap kompetensi guru sejarah yang berada pada tahap sederhana dalam kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Almio dan Sri (2019) serta kajian Ul, Lilis dan Trisnendri (2019) yang telah menjelaskan manfaat dan kebaikan penggunaan aplikasi *Google Classroom* dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris berdasarkan pengalaman, khususnya dari aspek *listening*, *speaking*, *reading* dan *writing*. Tambahan pula, tahap kompetensi guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* yang berada pada tahap sederhana dalam kalangan guru sejarah adalah bertepatan dengan dapatan kajian Muhammad, Wibawo dan Jan (2019), Lilis dan Heri (2020) dan Kaukah (2018) serta Kaviza (2020) yang telah menjelaskan bahawa persepsi penerimaan dan kesediaan guru-guru terhadap keberkesanan penggunaan aplikasi *Google Classroom* dalam proses pembelajaran atas talian secara teradun adalah baik selaras dengan arus perkembangan bidang teknologi maklumat terkini. Hal ini demikian kerana guru-guru dilengkapi dengan tahap kompetensi yang baik

bagi membolehkan mereka lebih berkeyakinan dan berkebolehan untuk melaksanakan proses pembelajaran dan pemudahcaraan berasaskan penggunaan teknologi melalui aplikasi *Google Classroom* (Greta & Ove, 2020). Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana dalam kalangan guru dalam kajian ini.

Sungguhpun begitu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap kompetensi pengetahuan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berada tahap tinggi. Hal ini bertepatan disebabkan oleh guru-guru mempunyai pengetahuan sedia ada serta mengakui tentang manfaat, potensi dan kepentingan penggunaan aplikasi *Google Classroom* dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah yang berupaya untuk membentuk proses persekitaran pembelajaran yang bermakna dan interaktif. Pendapat ini adalah seiring dengan pendapat Fitriantiy et al. (2018) yang menjelaskan tentang manfaat penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran sejarah yang efektif. Walau bagaimanapun, tahap kompetensi kemahiran terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah dalam kajian ini adalah berada pada tahap sederhana. Hal ini demikian kerana guru-guru sejarah masih dalam proses untuk menguasai kemahiran-kemahiran dari segi teknikal dan praktikal terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* secara berkesan lagi melalui kursus-kursus atau latihan-latihan dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh pihak sekolah mahupun pihak jabatan pendidikan negeri. Tambahan pula, tahap kompetensi sikap yang juga berada pada tahap sederhana dalam kajian ini terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* adalah sealiran dengan dapatan kajian Siti dan Jamaludin (2013) yang telah melaporkan bahawa tahap sikap guru Bahasa Melayu adalah positif terhadap aplikasi rangkaian sosial *Google Plus* dalam pembelajaran komponen sastera serta dapatan kajian Abdul Aziz dan Aida (2020) yang telah melaporkan tahap kesediaan dan motivasi pelajar jurusan logistik dan pengurusan rantai bekalan di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang berada pada tahap sederhana. Hal ini demikian kerana penggunaan aplikasi *Google Classroom* masih baharu dalam konteks persekolahan dan guru-guru masih dalam proses transformasi untuk menerimanya sebagai media pembelajaran yang telah memberikan implikasi kepada sikap, kesediaan dan motivasi secara langsung mahupun secara tidak langsung. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap kompetensi pengetahuan berada pada tahap tinggi, manakala tahap kompetensi kemahiran dan sikap pula berada tahap sederhana dalam kalangan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* dalam kajian ini.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina walaupun dari segi konstruksinya iaitu min kompetensi pengetahuan sahaja yang telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan berbanding dengan min kompetensi kemahiran dan sikap yang telah menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina. Walau bagaimanapun, min kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina yang dilaporkan adalah sama antara guru lelaki dan guru perempuan adalah sealiran dengan dapatan dengan dapatan kajian Norasyikin Osman dan Mohd Isa Hamzah (2016) yang juga telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan bagi kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan *Blended Learning* berdasarkan jantina. Selain itu, dapatan kajian Anuar Ahmad dan Nelson Jingga (2015) yang telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min persepsi murid terhadap aspek kompetensi guru sejarah dari aspek kemahiran mempelbagaikan strategi pengajaran, kemahiran membuat penilaian pembelajaran dan kemahiran penggunaan teknologi maklumat berdasarkan jantina juga telah menyokong dapatan kajian ini secara tidak langsung mahupun secara langsung. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina dalam kajian ini.

Kesimpulan

Kesimpulannya, tahap kompetensi terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah berasaskan aplikasi *Google Classroom* adalah berada pada tahap sederhana secara keseluruhannya walaupun tahap

kompetensi pengetahuan berada pada tahap tinggi dan tahap kompetensi kemahiran dan sikap berada pada tahap sederhana dalam kalangan guru. Semua pihak perlu bekerjasama dalam menggalakkan guru-guru untuk mengintegrasikan penggunaan aplikasi *Google Classroom* dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah dengan lebih berkesan selaras dengan saranan pihak KPM yang menekankan elemen TMK bagi mencapai aspirasi dasar pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Rujukan

- Abdul Aziz Ishak, Aida Zuraina Ahmad Talaat. (2020). Pembelajaran atas talian: Tinjauan terhadap kesediaan dan motivasi dalam kalangan pelajar diploma logistic dan pengurusan rantaian bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 68-82.
- Almio, S.H & Sri, S. (2019). Teacher's experiences on the use of Google Classroom. *3rd English Language and Literature International Conference*, 172-178.
- Anuar Ahmad & Nelson Jingan (2015). Pengaruh Kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. *Juku: Jurnal Kurikulum Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-11.
- Fitringintiyas, D.A., Umamah, N & Sumardi. (2018). Google Classroom: as a media of learning history. *ICEGE 2018*, 1-8.
- Greta, B.G & Ove, E. H. (2020). "I just Google it" – Developing professional digital competence and preparing student teachers to exercise responsible ICT use. *Nordic Journal of Comparative and International Education*, 4(3), 39-45.
- Kaukah, A.Z. (2018). Effectiveness of Google Classroom: Teachers' perceptions. *PRIZREN Social Science Jurnal*, 2(2), 52-66.
- Kaviza, M. (2020). Kesediaan Guru Sejarah Terhadap Penggunaan Google Classroom", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(8), pp. 133 - 139.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lilis, D.F & Heri, S. (2020). Perbandingan tingkat Usability Google Classroom berdasarkan perspektif teachers' pada penguruan tinggi. *SISTEMASI: Jurnal Sistem Informasi*, 9(1), 63-72.
- Liu, H.C., & Chuang, H.H. (2016). Integrating Google Classroom to teach writing in Taiwan. *Minnesota e-Learning summit*.
- Martinez-Mones, A., Reffay, C., Torio, J.H., & Cristobal, J.A.M. (2017). Learning analytics with Google Classroom: exploring the possibilities. Proceedings of the 5th International Conference on Technological Ecosystems for Enhancing Multiculturality.
- Muhammad, L.H., Wibawo, H.P & Jan, W. (2019). Pre-service student teachers' perception of using Google Classroom in a blended course. *Humanities & social Sciences Reviews*, 7(2), 363-368.
- Norasyikin Osman & Mohd Isa Hamzah (2016). Hubungan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan Blended Learning berdasarkan jantina dan program. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 1-9.
- Nunnally, J.C., & Bernstein, I.H. (1994). *Psychometric theory* (3rded.). New York: McGraw Hill.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dan Lima*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Shahinaz, A.O.B. (2017). The Impact of Google Classroom applications on the teaching efficiency of pre-teachers. *International Journal of Social Sciences and Education*, 7(2), 45-54.
- Siti Salwa Atan & Jamaludin Badusah. (2013). Aplikasi rangkaian Sosial Google Plus dalam pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 31-41.
- Swita, A. H & Heri, P. (2019). Pemanfaatan Google Classroom sebagai media pembelajaran online di universitas dian Nuswantoro. *WACANA*, 18(2), 225-233.
- Ul, N.E.F., Lilis, S & Trisnendri, S. (2019). Penerapan Google Classroom dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris kepada guru Bahasa Inggeris SMP di Subang. *Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat*, 2(2), 183-191.